

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Raime bin Unggi [Tenom]

**SOALAN : Datuk Raime bin Unggi [Tenom]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
senarai program yang boleh
meningkatkan pendapatan B40 di
negeri Sabah di bawah penjadualan
semula Bajet 2016.**

JAWAPAN

Bagi Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, *Rolling Plan 1* (2016), tiada sebarang program/projek pembangunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) di Negeri Sabah yang terlibat dalam Pengubahsuaian Bajet 2016.

Untuk makluman, terdapat sebanyak 14 program/projek yang melibatkan peningkatan pendapatan golongan B40 di Negeri Sabah pada tahun 2016 dengan jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM32,558,500. Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui tiga Jabatan di Negeri Sabah seperti berikut :

Bil.	Jabatan	Bil. Projek	Peruntukan Tahun 2016 (RM)
1.	Jabatan Pertanian Sabah	7	14,568,500
2.	Jabatan Perikanan Sabah	5	5,990,000
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (Sabah)	2	12,000,000
JUMLAH		14	32,558,500

Selain itu, terdapat dua (2) program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) yang mengkhususkan dalam meningkatkan pendapatan golongan B40 di seluruh Negara iaitu Projek Pembangunan Pertanian Bandar dan Projek Pembangunan Industri Kopi. Sejumlah RM761,500 telah diperuntukkan untuk Negeri Sabah di bawah dua (2) program ini yang melibatkan seramai 1,907 peserta.